



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry of Science, Technology and
Innovation)
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor**



19 Ogos 2020
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 03/2020

**KEPERLUAN YANG PERLU DIPATUHI UNTUK PERBAHARUI (*REFURBISH*) ATAU
BAIK PULIH (*RECONDITION*) RADAS PENYINARAN DALAM BIDANG BUKAN
PERUBATAN**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) berhubung keperluan yang perlu dipatuhi untuk perbaharui (*refurbish*¹) atau baik pulih (*recondition*²) radas penyinaran dalam bidang bukan perubatan.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) maklum bahawa terdapat radas penyinaran yang diperbaharui (*refurbish*) atau dibaik pulih (*recondition*) sama ada untuk kegunaan sendiri atau penjualan. Sehubungan itu, jabatan AELB telah membincangkan perkara ini dan berpandangan bahawa keperluan untuk perbaharui (*refurbish*) atau baik pulih (*recondition*) radas penyinaran hendaklah dijelaskan kepada pemegang lesen.

¹ *refurbish* is to rebuild or replenish with all new material; to restore to original (or better)

² *recondition* is to restore to a functional state, or to a condition resembling the original
Rujukan yourdictionary.com

ARAHAN AELB

3. Bagi memastikan standard keselamatan radas penyinaran yang diperbaharui atau dibaik pulih adalah dipatuhi sama ada untuk tujuan penjualan atau penggunaan semula, jabatan AELB telah memutuskan bahawa;

- i. radas penyinaran yang hendak diperbaharui (*refurbish*) hendaklah dilakukan oleh pemegang lesen Kelas C dengan tujuan aktiviti “mengilang” di dalam lesennya; dan
- ii. radas penyinaran yang hendak dibaikpulihan (*recondition*) hendaklah dilakukan oleh pemegang lesen yang berlesen dengan sekurang-kurangnya lesen Kelas H (Penyenggaraan).

4. Sehubungan itu, bagi syarikat yang telah memenuhi keperluan di perkara 3, boleh diperbaharui atau baikpulihan radas penyinaran tanpa perlu mengemukakan permohonan tambahan kepada Jabatan AELB.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

5. Notis Pemberitahuan ini berkuat kuasa **serta merta** dari tarikh ia dikeluarkan.

PENUTUP

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB melalui alamat seperti di bawah:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888

E-mel : corporate@aelb.gov.my

No. Faks : +603-89223685

Laman Web : www.aelb.gov.my